

Gabung: UBG diberi sedikit masa lagi

UM 29 JAN 2002

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Utama Banking Group (UBG) telah diberi sedikit masa lagi untuk menyempurnakan proses penggabungan dengan RHB Bank tetapi bukan enam bulan.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, lanjutan masa itu diberikan setelah UBG kembali kepada kerajaan untuk menyatakan hasratnya mahu menyempurnakan proses itu.

Ditanya adakah tempoh itu

sehingga Jumaat ini seperti mana yang dilaporkan, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu tarikh yang sebenar.

Kempen

“Kita beri ‘sedikit masa lagi’ tetapi bukan enam bulan,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen ‘Sehari Bersama Pelanggan’ Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Minggu lalu, Dr. Mahathir telah membayangkan bahawa UBG menghadapi risiko kehila-

ngan lesennya sekiranya gagal melaksanakan proses penggabungan dalam tempoh enam bulan.

Menurut laporan akhbar, UBG telah diberi peluang akhir sehingga Jumaat ini untuk memeterai perjanjian dengan RHB.

Jika proses penggabungan itu terus menemui kegagalan, laporan akhbar itu, Bank Utama mungkin akan bergabung dengan Alliance Bank yang dikuasai Malaysian Plantation (MPlant).

UBG telah mengadakan satu

siri perundingan sejak 12 bulan lalu dengan RHB Group yang memiliki RHB Bank, bank peneraju ketiga terbesar di negara ini.

Peneraju

Penggabungan antara UBG dengan RHB Bank akan melengkapkan bilangan bank peneraju yang terhasil selepas penggabungan institusi-institusi kewangan di negara ini kepada 10 bank buah peneraju. Setakat ini, terdapat sembilan bank peneraju di Malaysia.

RHB Bank dimiliki 70 peratus oleh RHB Capital Bhd., yang dikuasai oleh Rashid Hussain Bhd. (RHB).

Kumpulan perbankan Utama, yang memiliki Bank Utama merupakan 51 peratus unit Cahya Mata Sarawak Bhd., kumpulan yang berpangkalan di Sarawak.

Sebelum RHB Bank, Bank Utama telah gagal untuk bergabung cabang perbankan AMMB Holdings dan Edaran Otomobil Nasional (EON).